

19 MAY 1999

Syed Hamid-Indonesia

DR MAHATHIR DAN HABIBIE DIJANGKA BINCANG HUBUNGAN DUA HALA DAN EKONOMI

KUALA LUMPUR, 19 Mei (Bernama) -- Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan Presiden Indonesia B.J. Habibie dijangka membincangkan soal-soal hubungan dua hala dan berkongsi pengalaman menangani masalah ekonomi semasa pertemuan mereka di Pulau Batam, esok.

Menteri Luar Datuk Seri Syed Hamid Albar berkata Dr Mahathir dijadual mengadakan pertemuan dengan Habibie pagi esok di Nongsa, Pulau Batam sebelum melakukan lawatan rasmi dua hari ke Johor.

"Mereka akan membincangkan soal hubungan dua hala, soal kerjasama dan masalah ekonomi...ia lebih berbentuk keseluruhan," katanya kepada pemberita di pejabatnya, di sini, hari ini.

Mengenai lawatan tiga hari beliau ke Brunei yang berakhir semalam, Syed Hamid berkata antara perkara yang dibincangkan dengan rakan sejawatannya, Putera Mohamed Bolkiah, ialah cara-cara untuk memudahkan perjalanan rakyat kedua-dua negara.

Beliau berkata ia melibatkan perjalanan dari Brunei ke Sabah dan Sarawak dan sebaliknya, yang kini banyak mengambil masa dan melibatkan birokrasi seperti pasport.

Syed Hamid juga berkata mesyuarat suruhanjaya bersama Malaysia dan Brunei, yang sepatutnya diadakan tahun lepas, akan diadakan tahun ini tetapi tarikhnya belum ditentukan.

"Suruhanjaya itu akan diadakan di peringkat menteri luar. Ini merupakan forum terbaik menyelesaikan apa-apa juga masalah yang mungkin ada," katanya.

Syed Hamid, yang turut melakukan kunjungan hormat ke atas Sultan Hassanah Bolkiah, berkata soal bagaimana memperkukuhkan Asean turut dibincangkan semasa lawatan beliau itu.

-- BERNAMA

AR NAK